

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM**  
**[PENDANG]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 44**

**Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor kenaikan hutang langsung Kerajaan daripada 50.1% kepada 51.2% berbanding KDNK pada tahun 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi hutang langsung kerajaan, peningkatannya adalah disebabkan keperluan Kerajaan membiayai defisit belanjawan tahunan yang mana pinjaman dibuat untuk menampung belanja pembangunan. Pada akhir-2018, hutang langsung kerajaan adalah berjumlah RM741.0 bilion atau 51.2% daripada KDNK, lebih tinggi berbanding RM686.8 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada akhir-2017. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion adalah bagi membiayai defisit pada tahun 2018.

2. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baharu setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit iaitu untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan seterusnya membayar hutang yang matang. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 - 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang langsung daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan yang digunakan untuk membuat bayaran balik hutang yang matang.

3. Bagi memastikan paras hutang langsung Kerajaan terurus dalam jangka masa panjang, langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kerajaan yakin akan dapat mengurangkan paras defisit daripada 3.7% berbanding KDNK pada tahun 2018 kepada 3.4% berbanding KDNK pada tahun 2019.